

**Bala dedah keterangannya pada pendakwa Perancis  
Malaysiakini.com  
July 15, 2010**

Penyiasat peersendirian, P Balasubramaniam berkata dia disoal selama tiga jam Isnin lalu oleh pegawai pendakwa Perancis, M Ryckewaert di Paris.

Ia diikuti dengan pertemuan selama dua jam sehari kemudiannya dengan pasukan peguam Perancis yang diketuai Joseph Brehm, bagi pihak kumpulan hak asasi manusia Suaram untuk membawa kes tersebut ke mahkamah Perancis.

NONE Menurut Balasubramaniam, dia memberitahu pihak Perancis apa yang dia tahu mengenai dakwaan pertemuan antara wanita Mongolia Altantuya Shaariibuu, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan penganalisis politik Abdul Razak Baginda.

Abdul Razak mengupahnya Balasubramaniam untuk mengawasi Altantuya sebelum wanita Mongolia itu dibunuh pada 2006.

Balasubramaniam juga ditanya mengenai bayaran yang dilakukan oleh Razak kepada Altantuya dan pembelian sebuah pangsapuri di Mongolia oleh penganalisis politik itu untuk bekas kekasihnya itu.

Balasubramaniam juga menjelaskan peranan yang dimainkan oleh isteri Najib, Datin Seri Rosmah Mansor, adik lelaki Najib - Nazim Abdul Razak dan ahli perniagaan Deepak Jaikishan - supaya dia menukar kenyataan bersumpahnya, sehingga membawanya bersembunyi di India.

Dia juga memberi maklumat mengenai dua anggota Unit Tindakan Khas - Cif Inspektor Azilah Hadri dan Koperal Sirul Azhar Umar - yang didapati bersalah tahun lalu atas tuduhan membunuh Altantuya.

Balasubramaniam juga ditanya mengenai individu dari Perancis yang dipercayai terlibat dalam perjanjian pembelian kapal selam yang bernilai berbilion ringgit itu serta butiran yang diberikan oleh Altantuya mengenai bayaran yang dibuat oleh Perancis kepada Perimekar Sdn Bhd, sebuah syarikat yang dimiliki isteri Abdul Razak - Mazlinda Mahmood.

Dua nama rakyat Malaysia turut timbul dalam soal siasat tersebut - Mejar Rahim dan Abdul Rahim Saad. Bagaimanapun, tiada butiran didedahkan mengenai siapakah mereka dan apakah peranan mereka dalam skandal itu.

Siasatan itu dilakukan untuk mengetahui sama ada komisyen - yang haram di bawah undang-undang Perancis - telah dibayar dalam perjanjian pembelian kapal selam bernilai RM3.7 bilion antara kerajaan Malaysia dan syarikat Perancis DCNS.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/137358>